

SOALAN NO: 19

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : 29 MAC 2018

SOALAN : 19

Datuk Rozman Bin Isli [Labuan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menjadikan Labuan sebagai pusat rawatan pakar penuh memandangkan kebanyakan pesakit dari pantai barat selatan Sabah akan ke Labuan untuk mendapatkan rawatan doktor pakar, ekoran daripada cadangan pembinaan Jambatan Labuan-Sabah.

Tuan Yang di-Pertua,

Hospital Labuan adalah sebuah Hospital Pakar Minor yang mempunyai kapasiti sebanyak 109 buah katil dengan kadar penggunaan katil (BOR) sebanyak 55.55%. Selain dari itu, perkhidmatan kesihatan juga disediakan oleh tujuh (7) Klinik Kesihatan/ Klinik Desa/ Klinik 1 Malaysia berdekatan Hospital Labuan seperti berikut:

- 1) Klinik Kesihatan Labuan;
- 2) Klinik Desa Kg. Rancha-rancha;
- 3) Klinik Desa Lajau;

- 4) Klinik Desa Tanjong Aru;
- 5) Klinik Desa Bukit Kalam;
- 6) Klinik 1 Malaysia Taman Mutiara; dan
- 7) Klinik 1 Malaysia Sungai Bedaun.

Buat masa ini, hospital tersebut menawarkan sejumlah lapan (8) daripada sepuluh (10) bidang kepakaran yang disasarkan bagi Hospital Pakar Minor. Bidang-bidang tersebut adalah:

- | | |
|------------------|------------------------|
| 1) Perubatan Am | 5) Anestesiologi |
| 2) Pembedahan Am | 6) Perubatan Kecemasan |
| 3) Pediatrik | 7) Psikiatri |
| 4) Ortopedik | 8) Radiologi |

Walaupun tiada kepakaran dalam bidang Obstetrik & Ginekologi (O&G) dan Patologi, perkhidmatan O&G dan Patologi masih diberikan kepada para pesakit di Hospital Labuan oleh pegawai perubatan dan pegawai sains yang terlatih. Selain itu, terdapat perkhidmatan lawatan pakar secara berkala ke Hospital Labuan bagi pelbagai bidang contohnya Oftalmologi, ENT, Kardiologi Kanak-kanak dan Nefrologi juga diberikan oleh pakar-pakar dari Hospital Queen Elizabeth, Hospital Queen Elizabeth 2 dan Hospital Kuala Lumpur.

Dalam hal ini, KKM akan sentiasa berusaha untuk melengkapkan bidang kepakaran di Hospital Labuan dari semasa ke semasa, walaupun KKM belum ada perancangan untuk menaiktaraf Hospital Labuan kepada Hospital Pakar Major pada masa kini.